

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN PROJEK PENYAYANG DI WAD KANAK-KANAK
(PAEDIATRICS WARD)
Lokasi : HOSPITAL BESAR, KUALA LUMPUR
Tarikh : 28-08-1991

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada murid-murid Sekolah Sri Cempaka sebagai penganjur Projek Penyayang, dan pihak pentadbir Hospital Besar Kuala Lumpur kerana menjemput saya untuk merasmikan pelancaran Projek Penyayang pada petang ini.

2. Saya difahamkan bahawa Projek Penyayang ini merangkumi beberapa lapisan kanak-kanak dalam masyarakat kita, iaitu kanak-kanak yang sihat dan kanak-kanak yang sakit, kanak-kanak yang bernasib baik dan juga mereka yang kurang bernasib baik. Tujuan Projek ini ialah untuk mendidik generasi muda supaya lebih berperasaan penyayang atau "car-ing" antara satu sama lain.

3. Memandangkan negara kita kini memberi penekanan kepada konsep masyarakat penyayang maka Projek ini kena pada masa dan tempatnya. Pendekatan yang digunakan oleh pihak penganjur adalah sungguh membanggakan kerana saya difahamkan bahawa murid-murid Sekolah Sri Cempaka telah bertungkus lumus secara "labour of love" untuk mengisi tabung projek ini. Atas usahasama murid-murid ini, Sekolah Sri Cempaka telah mendermakan wang tunai sebanyak \$10,000 ringgit sebagai geran pelancaran untuk projek ini. Selain itu, mereka juga akan menderma wang tunai sebanyak \$5,000 ringgit bagi setiap tahun untuk menampung projek ini.

4. Untuk menentukan kejayaan projek-projek seperti ini, sumber kewangan adalah diperlukan. Akan tetapi lebih penting lagi ialah sumbangan masa serta dedikasi seseorang individu itu, atau dalam bahasa Inggeris, "The most sincere gift is the gift of one's self". Dalam hal ini, saya sungguh tertarik dengan Projek ini kerana anak-anak murid Sekolah Sri Cempaka bukan sahaja memberi sumbangan dalam bentuk wang tunai dan buku-buku, tetapi juga secara sukarela telah mendermakan masa mereka untuk membaca buku-buku cerita atau menghibur para pesakit yang terdiri daripada kanak-kanak di wad ini, di bawah penyeliaan pihak pentadbir Hospital ini.

5. Negara kita terkenal di seluruh dunia sebagai satu negara berbilang kaum, yang berjaya hidup dalam suasana aman dan sejahtera. Kini usaha-usaha sedang giat dijalankan untuk membawa kita ke tahap negara maju. Negara maju yang hendak kita capai bukan setakat kekayaan material sahaja kerana mempunyai kekayaan material tidak semestinya membawa kebahagiaan. Kita ingin maju dalam semua bidang, iaitu material dan spiritual. Terdapat juga negara-negara maju yang masih menghadapi masalah "social indifference" yang serius.

Jelas bahawa sesuatu negara yang maju jika rakyatnya tidak mempunyai sifat jiwa penyayang, maka kekayaan sahaja tidak bermakna kerana lambat laun rasa cinta dan bangga terhadap negara itu akan hapus. Justeru itu, adalah penting kita memupuk semangat kasih sayang dikalangan generasi muda dan mempunyai perasaan belas kasihan kepada mereka yang kurang bernasib baik bagi menentukan supaya masyarakat kita merupakan masyarakat yang "humane".

6. Dalam konteks masyarakat majmuk seperti di negara ini, aspek kemanusiaan yang dikenali sebagai aspek penyayang juga penting ditekankan dalam usaha kita memupuk satu masyarakat yang bersatupadu. Sekiranya anak-anak Malaysia yang berbilang kaum dapat memupuk perasaan penyayang dan tolong menolong di antara satu sama lain tanpa mengira kaum, ini tentu sekali akan membantu mewujudkan satu negara yang bersatupadu. Justeru itu, dengan adanya perasaan penyayang dikalangan generasi muda kita, saya yakin masa depan negara kita akan lebih bertambah bahagia, stabil dan terjamin.

7. Untuk menuju ke arah ini, usaha-usaha perlu dipupuk supaya penyertaan dan kerjasama semua pihak dapat digemblengkan -- iaitu pihak sektor awam, sektor swasta serta juga pihak sukarelawan. Kesemua sektor ini boleh memainkan peranan yang positif dalam usaha kerajaan untuk membangunkan satu

negara yang bukan sahaja maju tetapi juga lebih penting mempunyai masyarakat bersifat penyayang.

8. Dalam hal ini, sektor awam perlulah berkerjasama dengan mana-mana pihak yang ingin menjalankan projek-projek yang mendatangkan kebaikan kepada rakyat di negara ini. Sektor swasta boleh memberi sumbangan dalam bentuk wang atau barang-barang keperluan. Manakala pihak sukarelawan pula boleh mempergiatkan lagi usaha-usaha mereka dengan melibatkan kanak-kanak dalam program sukarelawan mereka.

Inisiatif daripada muda-mudi kita seperti yang dijalankan oleh Sekolah Sri Cempaka merupakan petanda baik untuk masa depan negara kita. Dengan ini, saya yakin Malaysia mampu mewujudkan satu masyarakat yang penyayang dalam masa yang agak singkat.

9. Akhir sekali saya ucapkan tahniah kepada muri-murid Sekolah Sri Cempaka atas inisiatif dan daya usaha mereka itu serta pihak pentadbir Hospital Besar Kuala Lumpur atas kerjasama mereka dalam menjayakan projek ini.

10. Dengan lafaz Bismillahir rahmannir rahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Projek Anak-Anak Penyayang di Hospi- tal Besar Kuala Lumpur.

Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warrahmatullahi wabarakatuh.
